

18 OCT 1998

Mahathir-Barat

SAYA TIDAK TUNDUK PADA BARAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk menjaga kepentingan Malaysia beliau akan terus menegur Barat tanpa selindung seperti yang beliau lakukan selama ini.

Katanya, walaupun beliau tahu pihak barat tidak senang dengan kelantangan beliau menyuarakan pandangannya dalam banyak perkara berkaitan dengan Barat, beliau "tidak kisah" kerana beliau tidak sama sekali mahu menjadi "darling of the West" (orang pujaan Barat).

"Jika mereka pandang hina pada kita orang Timur, saya pandang hina pada mereka," katanya semasa bercakap kepada kira-kira 250 pelajar Malaysia di Kedutaan Malaysia di sini petang ini.

Dr Mahathir yang kerap mengecam hebat penyangak mata wang dari Barat kerana meraih keuntungan besar dengan memiskinkan negara-negara di Asia Tenggara seperti Malaysia, berkata pada suatu ketika beliau kerap diberitahu bahawa setiap kali beliau menegur Barat, mata wang Malaysia akan jatuh.

"Semua kawan saya memberitahu saya supaya jangan menuduh Barat kerana ini akan menjatuhkan bukan sahaja nilai ringgit tetapi juga nilai mata wang lain di rantau ini," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau bukanlah orang yang suka bercakap berlapik seperti sesetengah pemimpin di rantau ini apabila bercakap mengenai tindak tanduk Barat yang memudaratkan kepentingan negara-negara Timur.

Beliau mendedahkan Presiden Bill Clinton dari Amerika telah menulis surat kepadanya untuk mendapatkan sokongan beliau dalam usaha Amerika menentang keganasan ekoran serangan bom ke atas kedutaan-kedutaan Amerika di Kenya dan Tanzania, Julai lepas.

Katanya, dalam balasannya kepada surat Clinton itu beliau menyatakan Malaysia tidak boleh menyokong usaha Amerika itu kerana Clinton telah mengarahkan tindakan balas dengan melancarkan serangan roket ke atas sebuah kilang ubat di Sudan.

"Saya sepatutnya dalam lawatan ke Sudan pada Mei lepas melawat kilang itu, tetapi tidak jadi. Setelah kilang itu dibom kita lihat dalam TV rakyat Sudan mengelilingi kilang itu. Sekiranya ia betul mengeluarkan kimia beracun seperti yang didakwa Amerika sudah tentu rakyat Sudan akan terkena bahan itu," katanya.

"Kalau Barat anggap saya tidak mempunyai nilai-nilai Asia seperti lemah lembut atau terlalu lantang bercakap mengenai mereka, apa boleh buat," kata Dr Mahathir lagi.

Menjawab satu soalan mengenai peranan kaum wanita dalam pembangunan Malaysia, Perdana menteri berkata dalam pada beliau berbangga dengan banyak kemajuan yang dicapai oleh wanita di Malaysia dalam pelbagai bidang, beliau sedih dengan penindasan terhadap wanita yang berlaku di banyak negara Islam.

Beliau menyebut tentang dasar pemerintah puak Taliban yang kini menguasai sebahagian besar Afghanistan yang tidak membenarkan kaum wanita bekerja.

Katanya jumlah umat Islam di seluruh dunia yang dianggarkan satu bilion adalah lebih rendah berbanding penduduk China seramai 1.4 bilion dan jika kaum wanita yang merupakan separuh daripada umat Islam disekat daripada mencapai kemajuan, masyarakat Islam dengan sendirinya akan menjadi lemah.

"Ini kerana 50 peratus potensi umat Islam tidak digunakan untuk

mencapai kemajuan masyarakat Islam," katanya.

-- BERNAMA

AU RHM